BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/14/04

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 19 Mac 2014

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ialah penerbitan tahunan Bank Negara Malaysia (Bank) yang mengandungi penilaian Bank mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan kapasiti sistem ini untuk mengekalkan peranannya sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Laporan ini juga melaporkan langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan terus selamat dan kukuh selain menggalakkan kestabilan kewangan dan pembayaran secara keseluruhan, serta inisiatif pembangunan yang digerakkan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan dalam usaha menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Perkembangan risiko dan penilaian kewangan pada tahun 2013

Kestabilan kewangan domestik terpelihara dengan baik pada tahun 2013, sekali gus menghasilkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sistem kewangan terus menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi dalam keadaan ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan global serta berdepan dengan risiko yang mungkin berpunca daripada sumber dalam negeri. Dalam beberapa episod aliran keluar modal yang ketara, yang dicetuskan oleh sentimen pelabur global yang berubah, keadaan yang teratur dapat dikekalkan dalam pasaran kewangan domestik, disokong oleh pasaran kewangan yang mendalam serta kehadiran sekumpulan pelabur institusi domestik yang kukuh. Institusi kewangan kekal teguh dan terus diperkukuh oleh penambahbaikan yang berterusan dalam tadbir urus dan amalan pengurusan risiko, serta kawalan yang wajar dalam pengambilan risiko dalam keadaan mudah tunai domestik yang berterusan dan lebih daripada mencukupi. Keyakinan keseluruhan dalam sistem kewangan Malaysia juga kekal teguh.

Pertumbuhan kredit bagi isi rumah dan perniagaan berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2013, mencerminkan faktor ekonomi dan pelbagai langkah berjaga-jaga yang diambil untuk mengukuhkan daya tahan isi rumah. Kualiti dedahan kredit institusi kewangan domestik kekal teguh. Leveraj perniagaan agregat terus bertambah baik. Seiring dengan kedudukan mudah tunai yang stabil, keadaan ini menyokong keupayaan khidmat hutang

keseluruhan oleh perniagaan meskipun terdapat tahap peminjaman luar negeri yang lebih tinggi. Perniagaan yang mempunyai bahagian hutang luar negeri yang lebih tinggi secara amnya telah mengekalkan kedudukan kewangan dan kedudukan aliran tunai yang kukuh. Ini penting untuk mengekalkan penampan terhadap pergerakan mata wang asing dan kos input yang meningkat.

Pinjaman isi rumah agregat berkembang pada kadar yang paling perlahan sebanyak 11.7% sejak tahun 2010, didorong terutamanya oleh pertumbuhan pembiayaan peribadi oleh institusi kewangan bukan bank yang secara ketara lebih perlahan, sebagai tindak balas terhadap langkah kehematan makro yang dilaksanakan pada bulan Julai 2013. Lembaran imbangan agregat dan keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah kekal teguh. Ini disokong oleh keadaan guna tenaga dan pendapatan yang menggalakkan, yang menyaksikan isi rumah mengumpul lebih banyak aset kewangan. Kesan gabungan daripada langkah penambahan yang diperkenalkan oleh Bank sejak tahun 2010 untuk mengawal keberhutangan isi rumah yang berlebihan masih dalam pemerhatian, khususnya untuk mengatasi kelemahan isi rumah yang berpendapatan rendah. Meskipun kedudukan leveraj isi rumah ini telah menjadi stabil, tahap leveraj semasa masih tinggi iaitu 7 kali ganda pendapatan tahunan. Penampan yang terus kukuh bagi kumpulan isi rumah ini akan memantapkan lagi daya tahan isi rumah secara keseluruhan.

Risiko kepada kestabilan kewangan daripada pemberian pinjaman isi rumah didapati terkawal dengan baik. Pinjaman isi rumah daripada sistem perbankan terus bertambah baik dari segi kualiti merentas semua segmen pinjaman, dengan delinkuensi kekal rendah dan terus menunjukkan trend menurun. Ini telah didorong oleh penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pemberian pinjaman dan pengurusan risiko oleh bank. Simulasi tekanan isi rumah, termasuk di bawah andaian ekstrem, juga terus mengesahkan kekukuhan penampan sistem perbankan terhadap kerugian yang mungkin berlaku daripada sektor ini.

Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK meningkat lagi kepada 86.8% dan dijangka terus tinggi dalam tempoh beberapa tahun akan datang memandangkan permintaan terhadap kredit dijangka kekal kukuh, khususnya daripada tenaga kerja yang secara relatifnya muda, serta penduduk yang lebih mewah dan tinggal di pusat-pusat bandar. Dengan langkah Kerajaan untuk meningkatkan bekalan perumahan mampu milik dan menambah baik pengangkutan awam bersama-sama dengan langkah semasa untuk memastikan amalan pinjaman menjadi lebih mantap, tahap keberhutangan isi rumah akan mula menjadi sederhana. Pada tempoh semasa ini, penting sekali bagi institusi kewangan serta penyedia kredit bukan bank untuk terus mengekalkan disiplin pemberian pinjaman yang mantap dan menjalankan penilaian kemampuan membayar hutang yang kukuh.

Dalam pasaran harta tanah dalam negeri, harga rumah pada tahun 2013 kekal tinggi dan menjadi isu yang memerlukan pemantauan yang teliti dan berterusan memandangkan kesan harga rumah yang lebih tinggi terhadap hutang isi rumah keseluruhan dan dedahan institusi perbankan yang besar terhadap pasaran harta tanah. Permintaan terutamanya untuk rumah berharga rendah dan sederhana mungkin terus mengatasi bekalan dalam jangka terdekat dan sederhana, dan mengekalkan tekanan yang menaik ke atas harga rumah. Walau

bagaimanapun pembelian spekulasi dalam pasaran harta tanah yang dibiayai oleh peminjaman bank terus menjadi lembap, khususnya berikutan langkah lanjutan yang diambil oleh Kerajaan untuk menaikkan kos kemasukan bagi pembelian spekulasi jangka pendek, serta meningkatkan ketelusan dalam harga harta tanah. Kesan langkah ini seharusnya menyumbang ke arah penggalakan penilaian yang lebih realistik. Meskipun harga harta kediaman terus meningkat pada kadar yang cepat, risiko terhadap kewangan isi rumah dan kestabilan kewangan daripada sebarang pembetulan pasaran dikurangkan oleh peminjaman yang terhad untuk membiayai pembelian spekulasi serta pengukuhan amalan pemberian pinjaman oleh bank, untuk memastikan nisbah pinjaman yang berhemah kepada nilai (loan-to-value, LTV) dicapai untuk pinjaman harta tanah. Risiko terhadap institusi kewangan daripada segmen harta tanah bukan kediaman pada masa ini dinilai sebagai rendah memandangkan dedahan kredit yang kecil oleh institusi kewangan. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk mengurus secara berkesan bekalan harta tanah komersial yang baharu untuk membolehkan permintaan seiring dengan bekalan.

Pasaran kewangan dan institusi kewangan domestik telah berjaya menempuh keadaan pasaran yang lebih tidak menentu pada tahun 2013. Pengurusan risiko yang aktif oleh institusi kewangan telah mengawal dedahan risiko pasaran meskipun pendapatan daripada perdagangan dan pelaburan adalah lebih tidak menentu. Kedudukan pendanaan dan mudah tunai bank kekal teguh sepanjang tahun 2013, disokong oleh simpanan domestik yang stabil, penampan mudah tunai yang kukuh dan pergantungan yang terus rendah kepada pasaran pendanaan borong luar pesisir.

Institusi kewangan Malaysia terus mencatat permodalan dan prestasi kewangan yang kukuh. Secara keseluruhan, sistem perbankan mengekalkan nisbah kecukupan modal kukuh sebanyak 14.4% di bawah piawaan modal yang lebih tinggi pada akhir tahun 2013. Institusi perbankan berjaya membuat peralihan lancar kepada fasa pertama keperluan modal yang lebih ketat di bawah Basel III yang bermula pada bulan Januari 2013, dengan mengekalkan penampan sebanyak RM79.3 bilion melebihi keperluan minimum modal pengawalseliaan baharu pada akhir tahun 2013. Keberuntungan secara keseluruhan adalah mampan walaupun keadaan pasaran lebih tidak menentu. Operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri juga terus mencatat prestasi yang agak baik meskipun beberapa pasaran mengambil langkah yang ketat serta terdapat perbezaan dalam tahap kesan aliran modal merentas ekonomi di rantau ini. Permodalan industri insurans juga bertambah kukuh pada tahun 2013 dengan nisbah kecukupan modal agregat meningkat kepada 245.9% (2012: 219.1%) dan penampan modal melebihi keperluan pengawal seliaan minimum berjumlah RM23.5 bilion. Dalam sektor insurans am, kerugian daripada segmen insurans motor kecederaan anggota pihak ketiga terus memberikan kesan yang ketara terhadap tuntutan keseluruhan dan prestasi pengunderaitan. Pelaksanaan Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu adalah penting untuk menyokong kemampanan jangka panjang bagi segmen sektor insurans am ini. Hasil daripada ujian tekanan yang dikemas kini dan meliputi pelbagai tahun, yang dijalankan oleh Bank terus menunjukkan pendapatan dan penampan modal bank

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

dan penanggung insurans yang mencukupi untuk menghadapi senario buruk aliran portfolio yang terjejas serta penguncupan ekonomi dalam negeri.

Apabila prospek pemulihan ekonomi lebih bertambah baik pada tahun 2014, institusi kewangan Malaysia terus berada pada kedudukan yang baik untuk menguruskan risiko luaran yang berpunca daripada pemansuhan dasar monetari yang tidak konvensional dalam ekonomi maju. Ketidaktentuan yang berterusan dijangka terus berlaku dalam pasaran kewangan domestik apabila pelabur membuat penyesuaian terhadap jangkaan yang berubah dalam dasar monetari AS serta perkembangan di kawasan euro dan Republik Rakyat China. Sepanjang tempoh kebelakangan ini, institusi kewangan di Malaysia telah menunjukkan daya tahan semasa episod ketidaktentuan meningkat dan terus memantapkan daya tahannya, iaitu dengan mengekalkan penampan kewangan yang kukuh, memastikan bahawa ketidakpadanan pendanaan mata wang asing kekal rendah serta kehematan yang berterusan dalam pengambilan risiko. Pasaran kewangan domestik yang mendalam dan lebih cekap juga akan terus memberikan sokongan kepada keadaan pasaran yang teratur.

Pembangunan sektor kewangan

Inisiatif pembangunan pada tahun 2013 terus memberikan tumpuan pada peningkatan peranan sektor kewangan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan ekonomi, dipandu secara progresif oleh pelaksanaan strategi dan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Penggemblengan dan pengantaraan dana yang cekap ke arah pelaburan yang produktif terus dipertingkat, khususnya untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menyaksikan bahagian pembiayaan daripada sistem perbankan terus meningkat kepada 42.1% daripada jumlah pembiayaan perniagaan pada akhir tahun 2013, berbanding dengan 40.5% pada tahun 2012. Pembiayaan untuk PKS terus disokong oleh rangkaian produk dan skim yang lebih meluas yang diperkenalkan pada tahun 2013 serta penambahbaikan kepada proses pembiayaan. Pada akhir tahun 2013, pembiayaan berjumlah RM24.3 bilion telah diluluskan kepada lebih daripada 58,000 PKS di bawah dana khas sedia ada oleh Bank. Lebih daripada 500 akaun PKS yang menerima pembiayaan daripada sistem perbankan dan dana khas dengan pembiayaan terkumpul yang digabungkan bernilai RM2.1 bilion ditakrifkan semula sebagai akaun perusahaan besar pada tahun 2013 berikutan pertumbuhan baik yang dicapai oleh PKS ini. Sementara itu, sejak Skim Pembiayaan Mikro dilancarkan pada tahun 2006, jumlah pembiayaan yang diluluskan menerusi skim ini berjumlah RM2.4 bilion, memberikan sokongan lebih kepada 150,000 akaun pembiayaan mikro. Dalam bidang pertumbuhan baharu, platform yang diwujudkan untuk perbincangan dan interaksi yang lebih rapat antara perniagaan dengan institusi kewangan bagi merapatkan jurang maklumat, memainkan peranan yang penting dalam usaha meluaskan saluran bagi perniagaan yang inovatif untuk mendapatkan pembiayaan.

Industri insurans dan takaful telah berkembang selama beberapa tahun untuk menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi, dengan jumlah premium bersih dan caruman yang dikutip oleh industri pada tahun 2013 berjumlah 4.9% daripada KDNK. Sejak sedekad yang lepas, jumlah bilangan polisi insurans dan takaful keluarga yang berkuat kuasa, sebagai peratusan daripada jumlah

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

penduduk telah meningkat daripada 40.9% pada tahun 2003 kepada 53.1% pada tahun 2013. Pada tahun 2013, Bank melaksanakan pembaharuan yang dicadangkan di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga untuk menggalakkan peningkatan kecekapan operasi, inovasi dan paras penembusan insurans yang lebih tinggi di Malaysia. Rangka kerja ini menggariskan pelbagai cadangan yang meluas untuk meningkatkan fleksibiliti yang diberikan kepada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga untuk menguruskan kos operasi mereka dengan perlindungan, untuk memelihara kepentingan pemegang polisi, mempelbagaikan lagi saluran penyampaian, menambah baik penzahiran kepada pelanggan dan mendorong standard profesional yang lebih tinggi dalam kalangan pengantara. Dalam sektor insurans am, pelaksanaan inisiatif utama di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu (Rangka Kerja) terus mencapai kemajuan dengan pusingan kedua pelarasan premium insurans motor yang berkuat kuasa untuk membawa industri ini lebih hampir dengan tahap penentuan harga yang mampan. Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan (Accident Assist Call Centre, Accident Assist) juga diperkenalkan untuk memberikan bantuan segera kepada pengguna yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Accident Assist ini berserta dengan Panduan Tuntutan Motor dijangka menyumbang kepada proses tuntutan yang lebih cekap dan kawalan yang lebih baik terhadap kos tuntutan. Selain itu, beberapa langkah yang telah dilaksanakan sebelum ini di bawah Rangka Kerja juga telah menyumbang kepada pengurangan masa purata yang diambil sehingga tiga bulan untuk menyelesaikan tuntutan kecederaan anggota pihak ketiga.

Penunjuk rangkuman kewangan terus bertambah baik, dengan jumlah akaun deposit bagi 10,000 orang dewasa meningkat kepada 32,846 pada akhir tahun 2013 (2012: 30,735). Pelaksanaan Rangka Kerja Perbankan Ejen adalah penting dalam usaha mencapai akses kepada perkhidmatan perbankan asas di seluruh negara, dengan institusi perbankan dan bank ejen kini terdapat di semua daerah dan kawasan Parlimen. Jumlah mukim yang mendapat perkhidmatan ini telah meningkat kepada 92.5% (2011: 46.4%) manakala jumlah Dewan Undangan Negeri meningkat kepada 99.8% (2011: 72.9%). Selain itu, platform MyMobile juga telah meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan dengan ketara menerusi rangkaian telefon mudah alih. Pada akhir tahun 2013, MyMobile telah menarik minat lebih daripada 130,000 pelanggan dan membolehkan urus niaga bernilai RM16.2 juta. Pada peringkat antarabangsa, Bank dan Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) telah menganjurkan secara bersama Forum Dasar Global (Global Policy Forum, GPF) ke-5 yang membincangkan strategi dasar yang mengimbang secara optimum objektif rangkuman kewangan, kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna. GPF dirumuskan dengan pelancaran Sasana Accord yang memperkukuh komitmen yang diambil, oleh ahli AFI, termasuk Malaysia, ke arah memajukan agenda rangkuman kewangan.

Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal pasaran terbesar di Asia Tenggara, meskipun terdapat aktiviti pemerolehan dana korporat yang lebih perlahan pada tahun 2013 dalam keadaan ekonomi global yang terus mencabar. Jumlah hutang sekuriti dan sukuk terkumpul meningkat kepada RM1,058.9 bilion atau 107.6% KDNK pada akhir tahun 2013. Perkembangan yang penting pada tahun 2013 ialah terbitan sulung Sekuriti Kerajaan Malaysia 30 tahun bernilai RM2.5 bilion,

sekali gus memperluas profil kematangan pasaran sekuriti hutang dalam negeri. Penambahbaikan yang dibuat terhadap infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang selaras dengan piawaian antarabangsa juga telah menyokong asas pelabur keinstitusian yang lebih meluas bagi pasaran sekuriti hutang Malaysia. Untuk memudahkan penggunaan renminbi sebagai mata wang tambahan untuk penyelesaian, Bank memperkenalkan Kemudahan Mudah Tunai Renminbi untuk menyediakan saluran tambahan kepada institusi kewangan untuk mengurus mudah tunai renminbi. Pada masa yang sama, peraturan pengurusan pertukaran asing terus diliberalkan untuk membolehkan perniagaan mengurus risiko pertukaran asing yang cekap dan menyokong perdagangan dan pelaburan. Usaha sedang dijalankan untuk mengukuhan penguatkuasaan pengaturan perkiraan penghasilan bersih (netting), termasuk pembentukan perundangan perkiraan penghasilan bersih, akan terus menyumbang ke arah pasaran kewangan Malaysia yang lebih mendalam.

Kumpulan perbankan domestik terus meluaskan operasi serantau masing masing di 22 negara di dunia, termasuk di semua negara ASEAN. Jumlah aset di luar negeri bagi kumpulan perbankan ini meningkat sebanyak 15.4% kepada RM362.1 bilion pada tahun 2013 (2012 : RM313.8 bilion), mencakupi 20.5% daripada jumlah aset (2012 : 19.2%) daripada kumpulan ini.

Usaha untuk menggalakkan integrasi kewangan yang lebih mendalam di rantau Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) telah mencapai kemajuan yang penting pada tahun 2013, apabila prinsip peringkat tinggi dalam Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN dimuktamadkan. Usaha ini telah diteruskan selaras dengan inisiatif untuk mengukuhkan lagi kerjasama dan penyelarasan antara pihak berkuasa di rantau ini dalam usaha mengekalkan kestabilan sistem kewangan. Kelulusan rangka kerja pengurusan krisis dan penyelesaian serantau oleh Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Timur-Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) merupakan perkara penting yang akan menyokong aliran maklumat yang tepat pada masanya, serta penyelarasan berkesan untuk mengurus perkembangan yang melibatkan kestabilan monetari dan kewangan serantau. Bank juga terus memperluas pengaturan kerjasama dengan bank pusat asing dan pihak berkuasa penyeliaan dalam bidang penyeliaan, pembangunan pasaran kewangan, pembinaan kapasiti, kewangan Islam dan penggalakkan penyelesaian perdagangan mata wang tempatan.

Industri kewangan Islam terus berada pada landasan pertumbuhannya pada tahun 2013 dengan disokong oleh beberapa inisiatif utama yang menggalakkan lagi pengantarabangsaan kewangan Islam. Pada akhir tahun 2013, sektor perbankan Islam (termasuk institusi kewangan pembangunan) mencatat pertumbuhan aset sebanyak 16.5% untuk mencakupi 25.7% daripada jumlah aset dalam sistem perbankan secara keseluruhan. Momentum terbitan sukuk yang berterusan mengekalkan Malaysia pada kedudukan utama dalam pasaran sukuk global dengan jumlah terbitan sukuk kira-kira USD82.4 bilion pada tahun 2013 (atau 68.8% daripada jumlah terbitan sukuk global) yang merangkumi terbitan yang dibuat oleh syarikat asing. Tahun 2013 telah menyaksikan beberapa terbitan kali pertama dalam inovasi kewangan Islam. Kerajaan menerbitkan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII)

buat kali pertama berasaskan konsep murabahah, yang menarik minat pelabur domestik dan antarabangsa yang lebih luas terhadap terbitan sukuk kerajaan. Bank juga menyertai terbitan sulung sukuk jangka pendek berjumlah USD490 juta oleh Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) yang merupakan satu kejayaan besar pada peringkat global dalam usaha menggalakkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang cekap untuk menyokong aktiviti kewangan Islam antarabangsa. Bagi meneruskan usaha untuk menggalakkan ketelusan dan keseragaman aplikasi kontrak Syariah di samping menjadi pemangkin kepada sikap saling menghormati pandangan Syariah merentas negara, Bank telah mengeluarkan piawaian Syariah dan operasi untuk satu kontrak Syariah manakala kertas konsep mengenai sebelas lagi piawaian Syariah dan dua piawaian operasi telah diterbitkan untuk maklum balas daripada industri. Pada tahun 2013, Jawatankuasa Pengharmonian Undang-Undang, yang mengetuai kajian semula yang komprehensif ke atas undang-undang Malaysia untuk menyokong urus niaga kewangan Islam, telah mengeluarkan laporannya yang menyediakan suatu asas bagi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk meneruskan pindaan perundangan yang khusus, yang akan menambah baik kepastian dan penguatkuasaan kontrak kewangan Islam di Malaysia. Mencerminkan kesalinghubungan yang semakin meningkat antara institusi kewangan Islam di Malaysia dengan komuniti kewangan global, identiti jenama global yang baharu - `Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia´ (Malaysia: World's Islamic Finance Marketplace) juga telah diperkenalkan oleh Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC), yang menandakan satu lagi fasa dalam pembangunan kewangan Islam di Malaysia.

Pembangunan tenaga mahir terus menjadi keutamaan yang penting, dengan tumpuan khusus pada usaha meningkatkan lagi tahap pencapaian dalam standard untuk kualiti, profesionalisme dan etika. Pada tahun 2013, Institut Bank-Bank Malaysia (Institute of Bankers Malaysia, IBBM) telah memulakan proses transformasi untuk memisahkan dan mengukuhkan peranannya sebagai sebuah badan profesional (disusun semula sebagai Asian Institute of Chartered Bankers), dan sebagai penyedia primer pendidikan dan latihan perbankan menerusi Sekolah Perbankan Asia (Asian Banking School). Ini akan melengkapkan penubuhan sebuah badan profesional yang diterajui industri iaitu Lembaga Profesional untuk Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board) bagi menggalakkan, menyokong dan memudahkan pembangunan dan penerapan standard profesional di seluruh sektor industri kewangan yang berlainan. Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency, FAA) juga telah dilancarkan secara rasmi pada tahun 2013 sebagai sebuah badan yang bebas untuk jaminan kualiti dan akreditasi program-program latihan. Bersama-sama dengan Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF (ICLIF Leadership and Governance Centre), Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) dan badan-badan latihan industri dan penyelidikan dalam sektor kewangan, institusi-institusi ini melengkapkan komponen teras dalam rangka kerja keinstitusian yang telah diwujudkan untuk membangunkan dan meningkatkan jumlah tenaga kerja dalam sektor kewangan pada semua peringkat. Melangkah ke hadapan, masih terdapat cabaran-cabaran yang besar

dalam usaha membangunkan bekalan tenaga mahir yang mantap serta tangkas bertindak balas kepada perubahan dalam permintaan dan bekalan tenaga mahir. Bagi menguruskan cabaran-cabaran ini, Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Talent Council) akan ditubuhkan dengan peranan penting untuk membentuk hala tuju strategi tenaga mahir yang akan membolehkan industri kewangan untuk bertindak secara berkesan terhadap cabaran yang dihadapi.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus memainkan peranan yang penting untuk memelihara kestabilan sistem kewangan dan menggalakkan pembangunan sektor kewangan yang teratur. Sebahagian besar daripada keutamaan pengawalseliaan oleh Bank pada tahun 2013 tertumpu pada pelaksanaan sepenuhnya Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act, IFSA) yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013. Ini termasuk mengukuhkan tumpuan pada penyeliaan kewangan di luar institusi kewangan secara individu, untuk mengambil kira risiko pada seluruh kumpulan dan seluruh sistem. Bank telah menggariskan pendekatan yang dihasratkannya bagi menyelia kumpulan kewangan, yang menjelaskan bagaimana sempadan sesebuah kumpulan kewangan akan ditentukan untuk tujuan pengawalan dan penyeliaan yang berhemat dan seterusnya skop pengawalan dan penyeliaan yang akan dikenakan. Ini akan diikuti pula oleh pengeluaran secara progresif bermula dari tahun 2014, piawaian kehematan pada peringkat kumpulan untuk kumpulan kewangan mengenai kecukupan modal, tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan pengurusan mudah tunai. Bagi memberikan perbezaan yang jelas di bawah IFSA antara `deposit Islam´ dengan `akaun pelaburan´, Bank juga telah mengemukakan cadangan mengenai pengukuhan pengawasan dan pengaturan pengurusan risiko untuk pengurusan akaun pelaburan bagi memastikan pematuhan Syariah dan menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk pelabur agar setimpal dengan risiko pelaburan yang ditanggung oleh mereka. Piawaian ini akan dimuktamadkan pada tahun 2014 untuk pelaksanaan pada bulan Jun 2015 apabila pemisahan antara deposit Islam dengan akaun pelaburan berkuat kuasa sepenuhnya di bawah undang-undang itu selepas tempoh peralihan selama dua tahun.

Pelaksanaan domestik komponen modal dan mudah tunai dalam pakej pembaharuan pengawalseliaan Basel III berjalan lancar seiring dengan jadual pelaksanaan yang telah dipersetujui pada peringkat global. Sehubungan dengan itu, piawaian modal pengawalseliaan yang lebih tinggi telah dikuatkuasakan mulai bulan Januari 2013. Paras dan kualiti kedudukan modal institusi perbankan terus kukuh di bawah peraturan-peraturan yang baharu itu. Usaha untuk mengukuhkan piawaian juga berjalan lancar dan kekal mengikut jadual pelaksanaan yang akan berkuat kuasa pada tahun 2015. Data dari tempoh pemerhatian menunjukkan bahawa bank akan dapat memenuhi piawaian mudah tunai yang diperkukuh ini tanpa kesukaran yang ketara. Dalam sektor takaful, industri ini juga beralih dengan lancar ke arah penerapan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful pada bulan Januari 2014, susulan pelaksanaan secara selari selama setahun. Ini akan memberikan sokongan yang

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

lebih baik untuk industri takaful mempunyai permodalan yang kukuh serta meningkatkan insentif dengan ketara untuk pengurusan risiko yang mantap.

Bank terus mengukuhkan piawaian tadbir urus dan pengurusan risiko di seluruh sektor kewangan. Pada tahun 2013, Bank memuktamadkan piawaian untuk menggalakkan penentuan harga yang teguh bagi pinjaman runcit dan produk pembiayaan lain, yang akan meningkatkan daya maju pemberian pinjaman dan menggalakkan pasaran kredit yang kukuh.

Tumpuan terus diberikan pada usaha mengukuhkan perlindungan terhadap ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF). Bank, bersama-sama dengan agensi-agensi lain di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan untuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) menyarankan beberapa pindaan kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act, AMLATFA). Keperluan pengawalseliaan sedia ada juga telah disemak agar selaras dengan piawaian global untuk memastikan bahawa rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and combating the financing of terrorism, AML/CFT) kekal relevan dan berkesan dalam mencegah ancaman ML/TF. Kemajuan yang selanjutnya dicapai untuk meningkatkan piawaian pematuhan terhadap langkah-langkah mencegah ML/TF dalam industri perniagaan perkhidmatan wang. Bank juga mempergiatkan kajian semulanya ke atas keberkesanan kawalan AML/CFT dalam institusi-institusi kewangan. Tindakan penguatkuasaan dan penyeliaan telah diambil terhadap institusi-institusi kewangan yang gagal untuk mengawal risiko ML/TF dalam operasi mereka dengan berkesan, sekali gus berperanan untuk memastikan institusi-institusi kewangan terus berwaspada terhadap ancaman ML/TF dan mengambil langkah yang sesuai untuk melindungi integriti sistem kewangan. Bank, dalam beberapa kes tertentu bertindak secara bersama dengan pihak berkuasa yang lain, turut membuat sebanyak 1,823 pertuduhan terhadap syarikat dan individu yang disiasat kerana melakukan pengubahan wang haram dan mengendali skim dan aktiviti haram.

Amalan pasaran dan pemerkasaan pengguna

Aktiviti pengawasan amalan pasaran oleh Bank pada tahun 2013 terus tertumpu pada pemantauan dan pengurusan risiko kepada pengguna yang berpunca daripada tekanan persaingan yang meningkat dalam pasaran runcit, persekitaran kadar faedah rendah yang berterusan dan seterusnya pencarian untuk kadar hasil yang lebih tinggi, serta penggunaan saluran penyampaian baharu yang lebih luas bagi produk dan perkhidmatan kewangan. Bagi menguruskan risiko ini, Bank terus memperkukuh piawaian mengenai amalan perniagaan, meningkatkan tahap penyeliaan dalam bidang yang didapati wujudnya peningkatan risiko kepada pengguna, dan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menangani isu amalan perniagaan.

Kajian semula oleh Bank ke atas pematuhan institusi-institusi kewangan terhadap keperluan pembiayaan yang bertanggungjawab yang telah

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

diperkenalkan pada tahun 2012 menunjukkan bahawa amalan pemberian pinjaman oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) telah bertambah baik. Maklumat yang lebih lanjut disediakan kepada peminjam mengenai proses untuk menunjukkan kemampuan membayar balik hutang dan implikasi peningkatan yang mungkin berlaku dalam kos peminjaman. Institusi kewangan juga menggunakan andaian yang lebih realistik untuk menjalankan penilaian terhadap kemampuan membayar balik hutang dan telah menunjukkan usaha yang lebih terkawal dalam pemasaran produk pembiayaan kepada peminjam yang lebih lemah. Layanan yang adil kepada pelanggan kekal sebagai fokus utama Bank terhadap amalan pasaran. Dalam hal ini, tahap pematuhan terhadap keperluan ketelusan dan pendedahan dalam bahan pemasaran dan iklan yang dihasilkan oleh institusi-institusi kewangan terus bertambah baik pada tahun itu, walaupun penyediaan khidmat nasihat yang berkualiti mengenai produk kewangan kepada para pelanggan perlu dipertingkat, terutamanya nasihat mengenai kesesuaian produk berkaitan kredit dan insurans untuk pelanggan perbankan. Bank akan terus memberi penekanan pada aspek ini memandangkan saluran perbankan dan telepemasaran semakin penting sebagai saluran agihan untuk produk insurans dan takaful. Bank terus mengambil tindakan tegas terhadap institusi-institusi kewangan yang gagal mematuhi prinsip panduan Bank mengenai fi dan caj, yang menyebabkan pembayaran balik lebih daripada RM13 juta kepada pelanggan yang terbabit. Tindakan yang sama telah diambil terhadap amalan penjualan terikat yang tidak adil terutamanya amalan penanggung insurans am yang mengehendaki pemegang polisi untuk membeli insurans kemalangan peribadi sebagai syarat kepada, atau bersama-sama dengan, pembelian insurans motor.

Bank terus berwaspada dalam usaha membanteras penipuan perbankan dan penipuan kewangan. Kes-kes penipuan Internet terus berkurangan dari 1,992 kes pada tahun 2012 kepada 1,353 kes pada tahun 2013 dengan pengurangan yang setara dalam kerugian kewangan hasil daripada usaha berterusan institusi perbankan untuk memastikan persekitaran perbankan elektronik yang selamat. Modus operandi utama penipuan seperti itu yang terus berlaku merupakan kegiatan mencuri maklumat yang melibatkan e-mel palsu atau khidmat pesanan ringkas yang kononnya dihantar daripada institusi perbankan untuk mendapatkan pengenalan terperinci peribadi pelanggan. Pada tahun 2013, tindakan jenayah telah dikenakan ke atas dua pengendali skim pengambilan deposit secara haram serta sekutu mereka dan 33 individu dan syarikat untuk kesalahan pengubahan wang haram. Kerjasama antara agensi turut diperkukuh, dan seiring dengan peningkatan program yang memberi kesedaran kepada pengguna mengenai skim penipuan kewangan dan penipuan melalui saluran media dan Senarai Amaran Pengguna Kewangan juga telah menyumbang kepada penurunan dalam insiden penipuan dan skim penipuan kewangan pada tahun 2013.

Bank terus memperuntukkan sumber yang banyak untuk meningkatkan keupayaan kewangan melalui inisiatif pendidikan. Kerjasama berterusan Bank dengan Kementerian Pendidikan untuk menyepadukan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah rendah mencapai kemajuan yang menggalakkan dengan kemasukan secara progresif tema pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah, bermula dari tahun 2014. Pendidikan kewangan untuk orang dewasa terus memanfaatkan program POWER!, iaitu modul pendidikan untuk

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

orang muda berumur antara 18 – 30 tahun. Sejumlah 167,478 peserta telah mendapat manfaat daripada latihan pengurusan wang secara pratikal melalui Program POWER!. Berlandaskan kejayaan pelaksanaan Program POWER!, Bank telah bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mengubah suai lagi program pendidikan kewangan bagi keperluan yang khusus dan keutamaan pengguna pada peringkat umur yang berbeza-beza, dengan memberikan tumpuan pada peringkat permulaan untuk program yang disasarkan bagi orang dewasa yang bekerja, yang diadakan di tempat kerja melalui perkongsian sektor awam-swasta. Satu Rangka Kerja Penilaian Pendidikan Kewangan dibangunkan pada tahun 2013 bagi membolehkan Bank untuk menilai keberkesanan program-program ini.

Saluran untuk bantuan penyelesaian pengguna terus dipertingkat. Usaha sedang diambil untuk mentransformasikan Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB) kepada skim ombudsman kewangan yang akan dapat menguruskan skop pertikaian kewangan yang lebih luas menerusi kuasa tambahan di bawah FSA dan IFSA. Skim ini boleh memberikan arahan yang memerlukan penyedia perkhidmatan kewangan mengambil tindakan yang khusus berkaitan dengan pertikaian. Sementara itu, skop perkhidmatan pengurusan hutang AKPK telah diperluas pada tahun 2013 untuk meliputi peminjam koperasi kredit dan Malaysia Building Society Berhad, sebagai tambahan kepada peminjam daripada institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar untuk menyokong sistem kewangan dan ekonomi. Aktiviti penyeliaan pada tahun 2013 kekal tertumpu pada usaha memastikan kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran utama. Selain Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer or Funds and Securities System, RENTAS), sistem lain termasuk sistem pembayaran runcit utama seperti GIRO Antara Bank, Bursa Pemprosesan Kewangan, kad debit domestik dan Rangkaian ATM Perkongsian terus mengekalkan 100% ketersediaan sistem sepanjang tahun 2013. Dengan peralihan kepada pembayaran elektronik (e-pembayaran) terus mencapai kemajuan, kestabilan sistem ini adalah penting untuk menyokong peningkatan bilangan dan jumlah urus niaga pembayaran elektronik. Di samping itu, langkah-langkah untuk mengukuhkan piawaian keselamatan bagi instrumen dan saluran pembayaran sebelum ini terus berjaya membendung kerugian daripada kes penipuan.

Kemajuan selanjutnya ke arah mencapai sasaran tinggi yang telah ditetapkan di bawah Pelan Sektor Kewangan telah dibuat pada tahun 2013 untuk penggunaan e-pembayaran yang meluas di Malaysia. Bilangan urus niaga e-pembayaran meningkat sebanyak 18.8% untuk tahun 2013. Berdasarkan per kapita, bilangan urus niaga e-pembayaran juga meningkat lebih tinggi kepada 65 urus niaga pada tahun 2013 (2012: 56 urus niaga). Inisiatif yang sedang dilaksanakan dijangka terus memajukan penggunaan e-pembayaran ke arah mencapai sasaran 200 urus niaga per kapita pada tahun 2020. Walaupun bilangan urus niaga cek menurun pada kadar yang lebih cepat pada tahun 2013, jumlah bilangan cek

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

yang dikeluarkan kekal tinggi dan perlu menurun pada kadar yang lebih cepat untuk mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Pelan Sektor Kewangan. Dalam satu perkembangan penting untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas, fasa pertama pembaharuan penentuan harga telah dilaksanakan pada tahun 2013 untuk menggalakkan penggunaan instrumen pembayaran yang lebih kos efektif, bersama-sama dengan langkah yang berterusan untuk meningkatkan akses serta memudahkan perkhidmatan pembayaran. Bank meneruskan kerjasama yang rapat dengan sektor-sektor utama ekonomi, termasuk sektor awam, sektor kewangan dan sektor pengangkutan untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan perniagaan dan orang ramai mengenai manfaat e-pembayaran di samping ketersediaan pelbagai penyelesaian e-pembayaran. Bank juga memantau dengan rapi perkembangan yang menunjukkan trend yang semakin meningkat dalam fi pertukaran, yang boleh meningkatkan kos untuk perniagaan dan pengguna yang menggunakan kad pembayaran, dan akan mempertimbangkan rangka kerja yang sesuai bagi mengawal selia proses penentuan fi pertukaran domestik yang dapat mengimbang kepentingan pihak-pihak yang berkaitan.

Penutup

Sistem kewangan terus menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi dalam keadaan ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan global dan terhadap sumber dalam negeri yang mempunyai potensi risiko. Daya tahan kewangan bagi perniagaan masih lagi kukuh disokong oleh kedudukan kewangan yang mantap, manakala keadaan guna tenaga dan pendapatan yang menggalakkan, serta langkah-langkah untuk membendung keberhutangan isi rumah yang berlebihan terus menyokong keupayaan khidmat membayar hutang isi rumah.

Bank Negara Malaysia
19 Mac 2014

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my